

27/01/1998

Ada pihak usaha kembalikan era penjajahan

KOTA BHARU, Isnin - Kegiatan manipulasi mata wang yang dilakukan oleh pihak tertentu boleh diibaratkan sebagai percubaan mengembalikan era imperialisme tanpa menggunakan senjata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kejayaan itu membolehkan mereka menguasai syarikat gergasi manakala rakyat negara yang terbabit bekerja seperti hamba.

Beliau berkata, pihak berkenaan mempunyai senjata luar biasa untuk mengalahkan sesiapa yang bersaing dengan menjatuhkan nilai mata wang sesebuah negara hingga memiskinkannya secara serta-merta.

"Senjata yang mereka gunakan ini begitu berkesan untuk menjadikan kita miskin dan lemah, malah kita tidak boleh membeli senjata untuk mempertahankan negara kerana senjata sekarang ini jauh lebih mahal daripada dahulu dan kita tidak mampu buat senjata sendiri.

"Mereka juga akan menentukan siapa yang menjadi pemimpin, parti (politik) mana perlu diteruskan dan mana harus disekat.

"Keadaan ini boleh dibuat dan kita dapat lihat bagaimana golongan ini menekan negara yang menerima bantuan daripada mereka dalam menangani masalah ekonomi masing-masing.

"Sebenarnya, itu bukan bantuan tetapi hanya untuk membolehkan negara terbabit membayar hutang kepada bank asing," katanya ketika berucap sebelum majlis berbuka puasa di kediaman Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa di Sri Puri, Bukit Marak, dekat sini, hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

Dr Mahathir berkata, kaedah manipulasi mata wang yang dilakukan ternyata berkesan dalam memiskinkan beberapa negara, sekali gus mengurangkan kemampuan untuk bersaing.

(END)